



Pantau kegiatan penerokaan tanah Cameron Highlands gunakan satelit

Oleh Ercy Gracella Ajos - Mac 6, 2023 @ 3:52pm
bhnews@bh.com.my



Yang di-Pertuan Agong diberi taklimat oleh Ketua Pengarah MYSA, Azlikamil Napiah mengenai pengimejan satelit selepas majlis meterai MoU - Foto ihsan MYSA

KUALA LUMPUR: Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands (PDTCH) serta Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands (PKCH) bagi memperkasakan penggunaan teknologi angkasa khususnya imej remote sensing di kawasan Cameron Highlands.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam kenyataan berkata MoU itu adalah kesinambungan kepada kerjasama strategik antara MYSA dengan PDTCH yang dimulakan sejak tahun 2011.

Katanya, kerjasama strategik itu tertumpu kepada penggunaan teknologi angkasa khususnya imej satelite remote sensing bagi tujuan perancangan, pemantauan aktiviti dan mitigasi pembangunan tanah di kawasan itu.

"Keupayaan satelit merakam aktiviti permukaan bumi secara kerap, berulang, liputan yang luas, dan menghasilkan imej digital beresolusi tinggi atau memfokus ketepatan sehingga 50 centimeter (cm) membolehkan pengesanan sebarang perubahan tanah di Cameron Highlands dilakukan dengan lebih cekap dan berkesan.

"Kesemua maklumat yang diperolehi melalui satelit ini kemudiannya dirangkumkan ke dalam satu sistem khusus yang beroperasi secara dalam talian, dikenali sebagai Sistem iPantau Cameron Highlands," katanya.

Difahamkan sistem yang dibangun dan dioperasikan melalui kerjasama strategik ini juga dimanfaatkan khasnya dalam operasi bersepadu Ops Gading dan Ops Lestari pada tahun 2014 hingga 2016, bagi menangani dan membanteras aktiviti pembukaan tanah secara haram di Cameron Highlands.

Katanya, melalui MoU itu, sistem akan diperkasakan lagi dengan penambahan modul-modul pemantauan baharu serta akan diperluas penggunaannya bagi kegunaan pihak-pihak berkuasa lain di Cameron Highlands.

"Pada masa sama, penggunaan teknologi remote sensing angkasa dan Sistem iPantau Cameron Highlands sedia ada akan terus beroperasi bagi meningkatkan aspek pengurusan tanah seperti pengukuran semula sempadan Lesen Pendudukan Sementara (LPS), pengemaskinian data-data LPS sedia ada dan aspek pemantauan lain yang dilaksanakan oleh pihak PDTCH dan PKCH secara berterusan dari semasa ke semasa," katanya.

Majlis menandatangani MoU disempurnakan oleh Ketua Pengarah MYSA, Azlikamil Napih dan Pegawai Daerah PDTCH yang juga Ketua Pegawai Eksekutif PKCH, Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya Syed Abdul Rahman.

Turut berkenan berangkat dan menyaksikan upacara itu, Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.